

Gerak semangat amal jariah

UM 2 - DEC 2000
Oleh
MOHD. ASUKI ABAS

KUALA LUMPUR 1 Dis. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini menyeru umat Islam menggerakkan semangat amal jariah secara bersungguh-sungguh bagi membentuk kekuatan ummah yang hebat.

Beliau berkata, dengan semangat dan sokongan semua golongan masyarakat untuk beramal jariah, prasarana amal jariah yang profesional boleh mewujudkan sebuah dana yang besar serta mampu memainkan peranan lebih berkesan dalam membangunkan tahap sosioekonomi umat Islam.

"Dalam erti kata lain, atas semangat ini kita boleh melahirkan keupayaan untuk memberi dan bukan menerima atau meminta," katanya dalam ucapan perasmian Kempen Sebulan Beramal Jariah Peringkat Nasional dan pelancaran Skim Amal Jariah Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) di sini hari ini.

Menurut Perdana Menteri, pelaksanaan program berasaskan tafsiran amal jariah yang luas akan memungkinkan

umat Islam Malaysia menyelesaikan sebahagian daripada permasalahan yang dihadapi.

"Di samping itu, pelaksanaan program dalam bentuk sedemikian juga boleh mempamerkan kebaikan Islam yang sebenar," tambahnya.

Kata Dr. Mahathir, amal jariah sebenarnya mempunyai kedudukan dan peranan yang penting dalam sistem ekonomi dan sosial Islam.

Beliau memberi contoh salah seorang sahabat Rasulullah s.a.w, Abdul Rahman bin Auf, yang mengeluarkan hartanya untuk membiayai kempen peperangan umat Islam di zaman tersebut.

"Manfaat amalan ini (amal jariah) juga adalah besar dan berpanjangan, kewujudan institusi pendidikan penting seperti Universiti Al-Azhar Mesir adalah contoh terpilih," katanya.

Dr. Mahathir berkata, YPEIM mempunyai potensi untuk muncul sebagai sebuah institusi yang penting dan relevan dengan keperluan semasa berdasarkan kejayaannya mengemblem sumbangan amal jariah masyarakat dan menguruskannya dengan baik.

Katanya, ia menggambarkannya dengan jelas ba-

hawa potensi YPEIM adalah cerah untuk merealisasikan usaha mewujudkan satu dana besar yang bakal menjadi sumber kekuatan umat Islam pada masa depan.

Menguruskan

"Berdasarkan tahap profesionalisme pengurusan yang tinggi saya penuh yakin YPEIM mampu menguruskan dana itu dengan teratur dan berkesan," kata Dr. Mahathir yang turut mencadangkan agar institusi pengurusan sumbangan masyarakat lain dapat mencontohi YPEIM.

Perdana Menteri berkata, penekanan YPEIM terhadap pembangunan masyarakat adalah seiring dengan usaha kerajaan dalam meneruskan strategi memantap dan merangsang pertumbuhan ekonomi negara dalam jangka masa sederhana dan panjang.

Beliau turut menyatakan keyakinannya bahawa YPEIM adalah saluran terbaik bagi masyarakat Islam termasuk sektor korporat untuk menunaikan tanggungjawab sosial mereka.

"Oleh itu, katanya usaha terbaru YPEIM memperkenalkan saluran bagi masyarakat Islam bera-

mal jariah dengan memanfaatkan kemudahan teknologi terkini yang dilancarkan hari ini adalah merupakan mekanisme terbaik bagi masyarakat di era teknologi maklumat menunaikan tanggungjawab mereka," ujarnya.

Saluran yang diperkenalkan oleh YPEIM itu adalah E-Jariah, Tele-Jariah dan Auto-Jariah yang masing-masing melalui Internet, telefon dan urus niaga perbankan manakala dua skim utama yang dilancarkan hari ini ialah skim potongan gaji dan skim korporat penyayang.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan menyokong penuh langkah YPEIM itu bagi menyuburkan budaya beramal jariah serta mengharapkan agar ia diberikan sokongan oleh sektor awam dan swasta.

Sementara itu dalam sidang akhbar selepas itu Perdana Menteri berkata, kerajaan akan mengarahkan semua kerajaan negeri menguruskan dana zakat negeri masing-masing secara lebih telus.

Ia berikutan tanggapan bahawa pentadbiran zakat di negeri-negeri tidak dikendalikan secara cecap dan telus.